

19/09/2003

## Penguinarium tarikan pelancongan baru di Langkawi

Wan Jailani Razak

LANGKAWI menawarkan satu lagi produk pelancongan menarik sebaik saja penguinarium di Underwater World Langkawi di Pantai Cenang, membabitkan kos RM30 juta siap sepenuhnya suku pertama tahun depan.

Penguinarium yang mengandungi dua kompleks sebagai habitat kira-kira 40 penguin itu dijangka mampu meningkatkan kemasukan pelancong ke Langkawi selain dijadikan pusat penyelidikan haiwan berkenaan.

Projek itu adalah cetusan idea Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekembali beliau daripada menjelajah benua Antartika. Ia kini sudah 20 peratus siap.

Dr Mahathir sendiri melakukan pecah tanah sebagai tanda mulanya projek itu ketika mengadakan lawatan kerja ke Langkawi, April lalu.

Projek itu dilaksanakan oleh Eden Enterprises (M) Bhd (Eden), menggunakan khidmat nasihat perunding alam sekitar Amerika, Frank S Todd yang lebih dikenali sebagai 'Penguin Man'.

Pengerusi Eksekutif Eden, Datuk Abdul Rahim Mohamed, berkata pihaknya berharap pelaburan syarikat itu akan dapat meningkatkan pembangunan sektor pelancongan dan ekonomi Langkawi.

Katanya, ia juga adalah sebagai hadiah kepada Dr Mahathir yang akan bersara walaupun projek itu tidak mungkin dapat disiapkan menjelang Oktober ini.

"Ini kerana kerja membina bangunan tambahan itu memerlukan pemerhatian amat teliti, terutama bagi memasang terowong khas dan kita terpaksa menggunakan pakar dari China.

"Biarlah kualiti pembinaan diutamakan kerana kita tidak mahu mengalami masalah selepas ia siap," katanya kepada pemberita di Langkawi, petang kelmarin.

Abdul Rahim berkata, bagi memastikan penguin dapat dipelihara sempurna, pihaknya menghantar beberapa pegawainya untuk menjalani latihan di New Zealand.